

## Wanita disyaki tipu penjualan telefon bimbit dalam talian ditahan

LABUAN: Seorang wanita ditahan kerana disyaki terlibat dalam penipuan pembelian telefon bimbit secara dalam talian di tiga negeri bernilai RM15,000 pada 15 Jun lepas.

Modus operandi kegiatan pembelian telefon bimbit itu adalah menerusi platform media sosial iaitu Facebook, yang mana barang dijual tidak ada manakala syarikat (seperti dalam Facebook) tidak berdaftar.

Ketua Polis Labuan Supt Muhamad Farid Ahmad berkata wanita berusia 30 tahun itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Wanita berkenaan ditahan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Labuan pada 4.30 petang kerana disyaki terlibat dalam penipuan menjual telefon bimbit dalam talian.

“Hasil siasatan awal mendapati suspek menggunakan tiga akaun bank untuk menjalankan kegiatan penipuan

itu,” katanya kepada pemberita pada Jumaat.

Muhamad Farid berkata mangsa penipuan yang terlibat adalah dari Luyang, Kota Kinabalu Sabah, Sarikei dan Mukah di Sarawak dan di Pulau Pinang.

Katanya, kes berkenaan dipindahkan ke Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kota Kinabalu untuk siasatan lanjut. Suspek dibebaskan atas jaminan polis. — Bernama